

1.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

"Adakah _____ sudah membaca brosur tentang pencegahan penyakit berjangkit itu?" tanya Raju kepada Azman dan Liu Wei.

- ☐ A dia
- ☐ B kalian
- ☐ C beliau
- ☐ D mereka

2.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

Sejak penganjuran Kem Integrasi dan Perpaduan, hubungan antara murid pelbagai bangsa di sekolah itu bertambah _____.

- ☐ A jauh
- ☐ B rapat
- ☐ C dekat
- ☐ D hampir

3.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong dengan betulnya**.

- I Pakaian yang dijemur oleh Wen Ying sudah *kering*.
- II Cuaca panas pada hari ini menyebabkan tekak Zafril berasa *kering*.
- III Penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman itu tidak pernah *kering*.
- IV Aina tidak *kering* ilmu walaupun dia antara murid yang pintar di kelasnya.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja

4.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong dengan betulnya**.

- I Adik *merayau-rayau* kesakitan semasa ibu mencuci luka pada kakinya.
- II Orang ramai *merayau-rayau* masuk ke dalam dewan sebaik-baik sahaja pintu dibuka.
- III Cikgu Hafiz berpesan kepada murid-muridnya agar tidak *merayau-rayau* di pusat beli-belah.
- IV Tangan Ramzi *merayau-rayau* mencari lampu suluh apabila bekalan elektrik di rumahnya terputus.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja

5.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak**.
Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu **mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan**.

Prinsip hidup Zuhairi adalah dia bukan mudah patah semangat walaupun pernah mengalami kegagalan.

- ☐ A ialah dia tidak mudah
- ☐ B adalah kamu bukan mudah
- ☐ C ialah saya tidak mudah
- ☐ D adalah dia bukan mudah

6.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak**.
Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu **mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan**.

Kamarul sukar untuk membuat keputusan kerana gaji yang ditawarkan oleh kedua syarikat itu benar lumayan.

- ☐ A kedua syarikat itu sekali lumayan
- ☐ B kedua-dua syarikat itu sungguh lumayan
- ☐ C kedua-kedua syarikat itu lumayan terlalu
- ☐ D kedua syarikat itu benar lumayan

7.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- I Kamus dwibahasa ini sungguh tebal.
- II Khayra murid yang paling awal datang ke sekolah pada hari ini.
- III Xue Ying risau apabila memikirkan peperiksaan yang semakin hampir.
- IV Cikgu Balan cekap berbahasa Melayu walaupun beliau berbangsa India.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja

8.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- I Mereka ketawa berdikit-dikit apabila mendengar cerita saya.
- II Kah Fui mengangguk-angguk sebagai tanda bersetuju dengan pendapat Mateen.
- III Veeran melihat-lihat sebuah novel yang dijual di Kedai Buku Idaman pada petang semalam.
- IV Sejak kecil lagi abang Fahim sudah berangan-angan hendak menjadi pensyarah di universiti.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja

9.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

Pelbagai acara menarik menanti para pengunjung dalam program Jerayawara Sihat Ceria itu.

- ☐ A Para pengunjung bagi program Jerayawara Sihat Ceria itu dinanti dengan pelbagai acara istimewa.
- ☐ B Program Jerayawara Sihat Ceria dengan pelbagai acara itu khas untuk para pengunjung istimewa.
- ☐ C Program Jerayawara Sihat Ceria dengan berbagai-bagai acara istimewa itu dinanti oleh para pengunjung.
- ☐ D Program Jerayawara Sihat Ceria itu menanti kehadiran para pengunjung dengan pelbagai acara menarik.

10.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Peribahasa

Pilih **peribahasa** yang paling sesuai.

“Kalian haruslah belajar dengan bersungguh-sungguh untuk lulus cemerlang dalam peperiksaan akan datang kerana saya yakin bahawa _____,” pesan Cikgu Rohana kepada anak-anak muridnya.

Apakah kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- ☐ A masa itu emas
- ☐ B usaha tangga kejayaan
- ☐ C bersekutu bertambah mutu
- ☐ D keadilan tidak mengenal kawan

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.



Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Kami semua mahukan kemajuan. Walaupun kami tak berapa muda macam Alif ni, kami pun nak juga menikmati kemajuan. Nak tengok pembangunan, nak melangkah ke depan. Bukannya berpatah balik ke belakang.”

Suara Abang Man terasa berisi gula-gula, kedengaran lunak bahasanya.

Emak masih bergeming, tidak mengalihkan tekurannya walau segarit.

“Anak Mak Wan ini kan belajar di universiti? Dengarnya ada ijazah ekonomi. Tak kan budak universiti macam dia nak buat kerja kampung begini? Eh, betulkah dia tamat belajar? Entah-entah dia tak lulus periksa, itu yang beria-ia sangat nakkan petak tu ... sebab tak dapat kerja lain!”

Suara Abang Man kali ini berubah nada cabul. Terangkat kepala emak. Terpanggung kepala Tuk Ketua.

Alif membulatkan mata. Terpandangan Abang Man yang tersengih-sengih berasa menang, terasa seperti mahu menghadiahkan penumbuk sebutir dua ke muka lelaki itu, biar dia *tersungkur membaham tanah*. Beberapa orang lelaki lain yang berada di anjung itu turut sama tersenyum-senyum kambing.

“Beginilah, kamu semua balik dulu. Kata datang sini mahu berbincang elok-elok. Tapi kalau sudah terkeluar tajuk sampai menyakitkan hati orang, Mak Wan rasa eloklah kamu balik dulu. Biar Mak Wan berbincang secara anak-beranak dengan Alif.”

Dipetik daripada cerpen ‘Menuai Emas’,
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2
Kementerian Pendidikan Malaysia

(1)

Konstruk Kemahiran Membaca: Mentafsir

11. Berdasarkan petikan, rangkai kata *tersungkur membaham tanah* membawa maksud ...

- ☐ A terjatuh mencium bumi.
- ☐ B tersadung menelan pasir.
- ☐ C terpelanting melewati batas.
- ☐ D terlentang menghadap bulan.

(2)

Konstruk Kemahiran Membaca: Mentafsir

12. “Anak Mak Wan ini kan belajar di universiti? Dengarnya ada ijazah ekonomi. Tak kan budak universiti macam dia nak buat kerja kampung begini? Eh, betulkah dia tamat belajar? Entah-entah dia tak lulus periksa, itu yang beria-ia sangat nakkan petak tu ... sebab tak dapat kerja lain!”

Apakah kata-kata hikmat yang paling sesuai dengan pernyataan di atas?

- ☐ A Kita harus memberi dan menerima
- ☐ B Yang lahir memperlihatkan yang batin
- ☐ C Kata-kata lebih tajam daripada mata pedang
- ☐ D Berkata benarlah walaupun kebenaran itu menyakitkan

(3)

Konstruk Kemahiran Membaca: Menganalisis

13.

“Kami semua mahukan kemajuan. Walaupun kami tak berapa muda macam Alif ni, kami pun nak juga menikmati kemajuan. Nak tengok pembangunan, nak melangkah ke depan. Bukannya berpatah balik ke belakang.”

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah persoalan yang paling tepat dengan pernyataan tersebut?

- ☐ A Ketabahan dalam menghadapi pelbagai masalah
- ☐ B Keberanian mempertahankan hak milik keluarga
- ☐ C Keinginan untuk melihat kemajuan dan pembangunan
- ☐ D Kegigihan dan kesabaran untuk menghasilkan kejayaan

(4)

Konstruk Kemahiran Membaca: Menganalisis

14.

Apakah kata-kata Abang Man yang telah menggores hati Mak Wan?

- ☐ A Alif tidak mendapat pekerjaan lain.
- ☐ B Alif beria-ia mahukan petak sawah itu.
- ☐ C Alif tidak lulus dalam peperiksaannya di universiti.
- ☐ D Alif mahu membuat kerja kampung sedangkan Alif mempunyai ijazah ekonomi.

(5)

Konstruk Kemahiran Membaca: Menyusun

15.

Antara pernyataan yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan di atas?

- ☐ A Tuk Ketua menegur kata-kata Abang Man yang cabul itu.
- ☐ B Abang Man meminta Alif untuk menamatkan pengajiannya di universiti.
- ☐ C Alif mahu berbincang dengan Tuk Ketua tentang penjualan tanah sawah.
- ☐ D Mak Wan menyuruh mereka yang berkumpul di rumahnya itu pulang dahulu.